



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-HUKMI

HUKUM MEMAKLUMKAN KEPUTUSAN SARINGAN HIV / AIDS YANG REAKTIF
(POSITIF) BAKAL PENGANTIN KEPADA WALI / BAKAL PASANGAN

1. Ikatan perkahwinan merupakan anugerah dan rahmat Allah kepada umatnya. Hal ini berdasarkan **firman-Nya**;

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً... الخ¹

Maksudnya; *Dan antara tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan dan rahmatNya) bahawa Dia menciptakan untuk kamu isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu hidup bahagia dengannya dan **dijadikan-Nya** antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan kasihan belas.*

2. Dalam usaha memastikan perkahwinan yang dibina memperoleh barakah, kebahagiaan dan ketenangan maka setiap pasangan bertanggungjawab menghapuskan sebarang bibit-bibit yang boleh menggugat keharmonian rumah tangga.
3. Pada masa yang sama, Islam juga menuntut umatnya supaya menutup keaiban diri sendiri serta orang lain supaya maruah diri dan kehormatan seseorang terpelihara dengan sebaiknya. Ini bertepatan dengan sabda Nabi

ﷺ;

"مَنْ سَتَرَ مَسْلَمًا سَتَرَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ"²

¹ الروم : 21.

² اخرجه البخاري (2 / 862، رقم 2310)، ومسلم (4 / 1996، رقم 2580).

Maksudnya; *Barang siapa yang menutupi keaiban saudaranya, Allah ﷻ akan menutupi keaibannya di dunia dan akhirat.*

4. Selain itu, pasangan pengantin juga hendaklah memenuhi syarat antaranya sekufu (الكفاءة) dan sejahtera daripada segala keaiban yang mengharuskan tuntutan fasakh **sama ada** aib yang menghalang hubungan suami isteri (العيوب التناسلية) atau aib yang menjijikkan (العيوب المنفرة). Semua keaiban ini boleh menggugat keharmonian hubungan pasangan suami isteri.
5. Dalam konteks penyakit HIV / AIDS, ia termasuk dalam kategori aib syarie. Oleh itu mana-mana pengantin yang positif HIV / AIDS, dia **hendaklah memaklumkan** perkara tersebut **kepada pihak yang berhak mengetahuinya seperti pasangan pengantin, wali atau waris pengantin.**
6. Tujuan pemakluman ini adalah untuk mengelak kemudaratan dalam rumah tangga yang bakal dibina di samping memberi peluang kepada pasangan dan ahli keluarga membuat keputusan **sama ada** untuk meneruskan pernikahan atau sebaliknya.
7. Dalam hal ini, kaedah pemakluman keputusan ujian saringan HIV / AIDS hendaklah dilaksanakan dalam keadaan **penuh kerahsiaan** dan melibatkan pihak-pihak yang berkenaan sahaja.
8. Pandangan ini bertepatan dengan maqasid syariah iaitu memelihara keturunan (حفظ النسب). Selain itu, berdasarkan kaedah fiqh iaitu sesuatu kemudaratan yang mendatang hendaklah dihalang (الضرر يزال) dan menutup semua pintu kemudaratan (سد الذريعة).

Semoga pandangan ini dapat memberi pencerahan kepada pihak-pihak yang terlibat dan rumahtangga yang dibina mendapat rahmat Allah ﷻ.

TARIKH KEPUTUSAN : 18 APRIL 2021